

KUALA LUMPUR, 15 JAN. (BERNAMA) -- UMAT ISLAM HARI INI DIGESA SUPAYA BERSIKAP BEKERJA DAN BERUSAHA KERANA SEMANGAT KEISLAMAN YANG SEBENAR, BUKAN SEMATA-MATA KERANA UPAH YANG DIPEROLEHI.

PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD KETIKA MEMBUAT GESAAN ITU BERKATA, + SIKAP INI PERLU BAGI SEMUA KERJA DAN AKAN DAPAT MENINGKATKAN KEUPAYAAN MEREKA UNTUK BERDIKARI. +

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEKANKAN, DI SAMPING ITU SEORANG MUSLIM ITU HARUS BERUSAHA UNTUK KEBAIKAN DAN PENGEKALAN AGAMA ISLAM DAN UMAT ISLAM.

BELIAU TELAH BERUCAP DEMIKIAN DI UPACARA MELETAK BATU ASAS BANGUNAN LEMBAGA URUSAN DAN TABUNG HAJI BERHARGA \$60 JUTA DI SINI.

BANGUNAN ITU DISIFATKAN OLEH BELIAU SEBAGAI SATU PERANGSANG KEPADA UMAT ISLAM UNTUK MENGAMAL DAN MEMPERTAHANKAN AJARAN ISLAM YANG SEBENARNYA. -- BERSAMBUNG 1300/AI

B528:

MAHATHIR-ISLAM 2 KUALA LUMPUR 卐'卐'卐'

PERDANA MENTERI KESAL RAMAI DARIPADA KAUM MUSLIMIN MEMILIH CUMA AMAL-AMALAN IBADAT UNTUK DIRI SENDIRI DI AKHIRAT TANPA MEMIKIR TANGGUNGJAWAB MEREKA TERHADAP UMAT ISLAM YANG ADA.

+TUMPUAN SEMATA-MATA KEPADA DIRI SENDIRI BAIK BAGI DUNIA ATAU UNTUK AKHIRAT BUKANLAH APA YANG DITUNTUT OLEH AGAMA ISLAM, + TEGAS BELIAU.

MENURUT DATUK SERI DR. MAHATHIR UMAT ISLAM SEKARANG AMAT BERNASIB BAIK KERANA CUMA DIKEHENDAKI MEMPELAJARI ILMU DAN KECEKAPAN TANGAN SERTA SANGGUP BERUSAHA UNTUK MENGEKALKAN AGAMA ISLAM.

BELIAU BERKATA, BEBAN YANG DITANGGUNG AMAT MUDAH DAN RINGAN BERBANDING DENGAN BEBANAN KE ATAS ORANG ISLAM DI ZAMAN NABI DAN DI ZAMAN-ZAMAN ISLAM BERKEMBANG DAHULU DI MANA MEREKA TERPAKSA MENGHADAPI BERBAGAI RINTANGAN HINGGAKAN NYAWA SENDIRI DIRAGUT KERANA MEMPERTAHAN DAN MEMPERBAIKI NASIB ORANG ISLAM.

+KITA AMAT BERNASIB BAIK DAN BAHAGIA TETAPI KITA TIDAK BERUSAHA BERSUNGGUH-SUNGGUH MENGEKALKANNYA, + KATANYA. -- BERSAMBUNG 1308/AI

B529:

MAHATHIR-ISLAM 3 KUALA LUMPUR ۞'۞'۞'

PERDANA MENTERI MENGAJAK ORANG ISLAM DI NEGARA INI SUPAYA MERE-
NUNG SAMA ADA MEREKA BERPUASHATI DENGAN KEJAYAAN MASING-MASING DAN
MEMPUNYAI LAIN-LAIN KEBOLEHAN YANG DIPERLUKAN OLEH UMAT ISLAM.

DI SELURUH NEGARA INI TERDAPAT BEGITU BANYAK MASJID-MASJID
BARU YANG INDAH TETAPI ORANG ISLAM YANG MENDAPAT MASJID INI TIDAK
MAMPU MEMBINANYA SENDIRI BAHKAN TIDAK MAHU MEMBINANYA DAN TIDAK MAHU
MENGEBUR DIRI DALAM BIDANG PEMBINAAN BANGUNAN.

KATANYA, ANAK-ANAK MUDA ISLAM LEBIH SUKA BEKERJA RINGAN DI
PEJABAT-PEJABAT DAN KILANG-KILANG DARI BEKERJA DALAM KEADAAN
TIDAK SELESA DAN BERAT ITU. -- BERSAMBUNG 1315/A1

MAHATHIR-ISLAM 4 KUALA LUMPUR ۞'۞'۞'

PERDANA MENTERI BIMBANG SIKAP INI AKAN MENGEKALKAN ORANG ISLAM
BERGANTUNG KEPADA KECEKAPAN ORANG LAIN DAN SIKAP INI MENJADIKAN
MEREKA TIDAK BEBAS, HINA DAN MUDAH DITINDAS.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA UMAT ISLAM PATUT BERSYUKUR KERANA
NEGARA BEBAS DARI PENJAJAHAN, KERANA JIKA MASIH DIJAJAH, PENINDASAN
YANG TIDAK TERHAD AKAN DILAKUKAN KEATAS MEREKA SEPERTI DI ZAMAN
PENJAJAHAN DAHULU DAN KEPADA RAKYAT MINORITI ISLAM DI BEBERAPA NEGARA
YANG ANTI ISLAM.

BELIAU LALU MERAYU UMAT ISLAM SUPAYA INSAF TERHADAP KELEMAHAN
YANG MASIH ADA PADA MEREKA DAN MEMBUAT AZAM UNTUK MENGATASINYA.

BELIAU KHUATIR JIKA SEMUA ORANG ISLAM MISKIN MEREKA CUMA BOLEH
MENDAPAT PERTOLONGAN DARIPADA ORANG LAIN DAN DI WAKTU ITULAH IMAN
MEREKA AKAN DIANCAM.

+INI HARUS DIINGAT KERANA ADA YANG BERPENDAPAT BAHAWA KEMISKINAN
ADALAH SAMA DENGAN KETEGUHAN IMAN.+

INI MUNGKIN BERLAKU JIKA ORANG ISLAM YANG MISKIN ITU BERADA
DI KALANGAN ORANG ISLAM YANG KAYA YANG BOLEH MENOLONGNYA.

BELIAU BERHARAP PENGURUSAN LUTH BERJALAN DENGAN BAIK SUPAYA
SEBAHAGIAN DARIPADA KELEMAHAN ORANG ISLAM DI NEGARA INI DAPAT
DIATASI. -- BERSAMBUNG 1354/A1

B533

MAHATHIR - ISLAM 5 KUALA LUMPUR ٩'٩'٩'

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENSIFATKAN BANGUNAN BARU LUTH ITU SEBAGAI LAMBANG YANG MENGUKUHKAN KEDUDUKAN EKONOMI ORANG ISLAM DI NEGARA INI DAN JUGA MEMBUKTIKAN AGAMA ISLAM TIDAK MENJADI PENGHALANG KEPADA KEMAJUAN EKONOMI ISLAM.

IA JUGA MENJADI PENGAJARAN KEPADA PIHAK YANG MENYARAKAN KERAGUAN TERHADAP SYOR PROFESSOR DIRAJA UNGKU AZIZ MENGENAI KEMUNGKINAN MENGUMPUL WANG SIMPANAN BAKAL HAJI DALAM SATU TABUNG.

PELAJARAN TERPENTING SEKALI IALAH KERAGUAN TERHADAP SESUATU RANCANGAN YANG BAIK TIDAK SEPATUTNYA MENGGANGGU PELAKSANAAN RANCANGAN TERSEBUT.

IA JUGA MENUNJUKKAN SESUATU RANCANGAN TIDAK AKAN BERJAYA TANPA KETABAHAN HATI DAN KETEKUNAN.

+SAYA INGATKAN TENTANG KERAGUAN INI KERANA KITA MUDAH LUPA DAN KERANA LUPA BERKENAAN SESUATU KITA TIDAK MENDAPAT PENGAJARAN YANG SEPENUH DARIPADANYA.+ TAMBAH BELIAU.

BELIAU MEMUJI KEJAYAAN LUTH SEJAK 20 TAHUN LALU DALAM MEMUDAHKAN URUSAN FARDHU HAJI BAGI UMAT ISLAM DI NEGARA INI.

KEPADA BAKAL-BAKAL HAJI PULA, PERDANA MENTERI MENYERU MEREKA BEKERJASAMA DENGAN MENGIKUT PERATURAN-PERATURAN YANG TELAH DISEDIAKAN UNTUK MENGURANGKAN MASALAH YANG DIHADAPI SEMASA MENUNAIKAN FARDHU HAJI. -- BERSAMBUNG 1405/MK

B534

MAHATHIR - ISLAM 6 KUALA LUMPUR ٩'٩'٩'

BELIAU MENGINGATKAN MEREKA MASALAH DALAM URUSAN HAJI TIDAK AKAN HAPUS SAMA SEKALI KERANA ADA LAIN-LAIN PIHAK YANG TERLIBAT YANG LUAR DARI KUASA LUTH ATAU KUASA KERANAAN MALAYSIA.

+SEMENTARA KITA MASIH BERUSAHA SUPAYA KITA BOLEH MENGERJAKAN IBADAT HAJI TANPA SEBARANG MASALAH, KITA JUGA PATUT INGAT BAHAWA IBADAT HAJI ADALAH SEBAGAI CABARAN KEPADA KITA YANG MANA KITA PERLU HADAPI DENGAN TIDAK HANYA MENGELOH SEPANJANG MASA.+ TAMBAH BELIAU.

TURUT HADIR IALAH MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI, DATUK HAJI MOHAMED NASIR, Pengerusi LUTH, DATUK HAJI MOHAMED SHAMSUDDIN HAJI MOHAMED YAACOB DAN LAIN-LAIN AHLI LEMBAGA LUTH. -- BERNAMA 1410/MK